



---

**SURAT PEKELILING KEWANGAN  
BILANGAN 3 TAHUN 2017**

---

**PENUBUHAN TABUNG WAKAF  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)**

**Pejabat Bendahari**

04 April 2017

**Disalinkan kepada:**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Pegawai-Pegawai Kanan

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jilid 7 (3)

04 April 2017

## SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL.3/2017

### PENUBUHAN TABUNG WAKAF UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

#### 1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk makluman kepada semua pihak tentang penubuhan Tabung Wakaf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Dengan penubuhan Tabung Wakaf UTeM, maka Tabung Endowmen/Wakaf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) diasingkan dan nama dipinda kepada Tabung Endowmen UTeM.

#### 2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Tabung Endowmen/Wakaf UTeM dan Tabung Sumbangan UTeM yang berkonsepkan kebajikan telah ditubuhkan melalui Pekeliling Bendahari Bilangan 2/2013 pada 30 Julai 2013.
- 2.2 Konsep endowmen dan wakaf dianggap sebagai salah satu amalan kebajikan yang berterusan. Hanya **hasil atau pulangan yang dijana** daripada sumbangan wakaf/endowmen dapat dimanfaatkan mengikut objektif penubuhannya. Manakala sumbangan asal(pokok) tidak boleh digunakan. Penerangan berkaitan konsep, jenis dan rukun wakaf adalah seperti di **Lampiran 1**.
- 2.3 Penjanaan pendapatan melalui endowmen dan wakaf juga selari dengan aspirasi Kementerian di bawah Lonjakan 5 Kemampanan Kewangan iaitu untuk mengurangkan kebergantungan Universiti kepada pembiayaan kerajaan dan ke arah mempelbagaikan sumber dalaman.

- 2.4 Buku panduan **Purple Book** iaitu Garis Panduan Penjana Pendapatan Universiti melalui endowmen dan wakaf telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) kepada Universiti Awam (UA) sebagai rujukan. Garis panduan ini telah menyarankan agar setiap Universiti menubuhkan endowmen dan wakaf secara berasingan.
- 2.5 Pengasingan tabung endowmen dan wakaf adalah perlu kerana terdapat perbezaan antara endowmen dan wakaf iaitu dari aspek tujuan, sumber sumbangan, pemilik aset dan beberapa aspek seperti yang terdapat di **Lampiran 2 - Wakaf Dan Endowmen: Serupa Tapi Tak Sama.**
- 2.6 Mesyuarat Majlis Eksekutif Bil. 12/2016 yang diadakan pada 22 Disember 2016 telah meluluskan penubuhan Tabung Wakaf UTeM yang berasingan.

### **3.0 PENUBUHAN TABUNG WAKAF UTEM**

- 3.1 Tujuan penubuhan Tabung Wakaf UTeM adalah sama seperti Tabung Endowmen/Wakaf dan Tabung Sumbangan iaitu berkonsepkan kebajikan dan diwujudkan bagi **mengumpul dana** serta memberi peluang kepada syarikat, korporat, agensi luar, orang ramai, individu, alumni dan staf UTeM untuk menghulurkan sumbangan bertujuan untuk merencanakan lagi aktiviti kesarjanaan ilmu dan pembangunan pendidikan di UTeM.
- 3.2 Tabung Wakaf UTeM ditubuhkan adalah bertujuan untuk mengumpul sumbangan untuk objektif seperti berikut:
  - 3.2.1 Membiayai aktiviti penajaan pelajar dalam bentuk biasiswa atau dermasiswa kepada pelajar cemerlang, tajaan yuran pengajian atau untuk pelajar yang layak diberikan bantuan pendidikan.
  - 3.2.2 Membantu kebajikan pelajar yang memerlukan bantuan.
  - 3.2.3 Membiayai aktiviti peningkatan budaya ilmu di UTeM seperti penajaan Kursi Profesor, penerbitan bahan saintifik, aktiviti akademik, penyelidikan dan pembangunan fasiliti akademik dan lain-lain.

3.2.4 Membiayai aktiviti dakwah dan pengimarah.

3.3 Hasil atau pulangan yang dijana dari Tabung Wakaf UTeM juga akan digunakan untuk menampung kos pentadbiran/pengurusan berkaitan tabung wakaf termasuk insentif wakaf.

#### 4.0 PENGURUSAN TABUNG WAKAF UTeM

4.1 Lembaga Wakaf UTeM (LWU) adalah bertanggungjawab ke atas Wakaf Universiti dan berfungsi sebagai badan pengawal yang akan memutuskan dasar berhubung penggunaan wang dan mengawasi pelaksanaan aktiviti tabung ini.

4.2 Dengan penubuhan Tabung Wakaf UTeM dan pengasingan tabung, jumlah sumbangan terkumpul sedia ada di dalam Tabung Endowmen/Wakaf UTeM akan diletakkan di bawah Tabung Endowmen UTeM (K03001). Manakala tabung yang baru diwujudkan untuk Tabung Wakaf UTeM (K03004).

4.3 Kaedah sumbangan kepada Tabung Wakaf UTeM boleh dibuat secara potongan gaji, sumbangan tunai di kaunter, bayaran sumbangan atas talian, arahan bank, cek peribadi dan lain-lain kemudahan bayaran yang disediakan dari semasa ke semasa.

4.4 Bagi staf yang telah membuat potongan sumbangan melalui potongan gaji kepada Tabung Endowmen/Wakaf UTeM, maka dengan pengasingan tabung ini, sumbangan staf akan diteruskan kepada Tabung Endowmen UTeM kecuali sekiranya staf membuat pemilihan untuk bertukar ke Tabung Wakaf UTeM atau membuat sumbangan kepada ke dua-dua tabung. Borang pemilihan sumbangan tabung adalah seperti di **Lampiran** iaitu:

4.4.1 Borang Sumbangan Tabung Endowmen UTeM dan Tabung Sumbangan UTeM (BEN/UPP/002)

4.4.2 Borang Sumbangan Tabung Wakaf UTeM (BEN/UPP/003)

## 5.0 PEMBERIAN IMBUHAN/INSENTIF

5.1 Dalam usaha menggalakkan staf untuk turut sama membantu mendapatkan penyumbang kepada Tabung Endowmen UTeM dan Tabung Wakaf UTeM, pemberian insentif diberikan kepada staf yang berjaya mendapatkan sumbangan dengan syarat berikut :

5.1.1 Pemberian wakaf atau sumbangan bentuk tunai sahaja dengan jumlah minima RM100,000.00 dan tidak bertempoh.

5.1.2 Insentif yang diberikan adalah sekali bayaran sahaja dan tertakluk maksima 2% dari sumber hasil simpanan tetap selama tiga (3) bulan ke atas jumlah sumbangan berkenaan.

*Contoh pengiraan;*

*Pemberian wakaf tunai berjumlah RM200,000*

*Jumlah insentif:  $RM200,000 \times 2\% \times 90/365 = RM986.30$*

5.1.3 Walaubagaimanapun pemberian insentif ini merupakan peluang yang diberi oleh Universiti kepada staf agar dapat turut sama **menyumbang balik** kepada Universiti dalam bentuk wakaf tunai.

## 6.0 PEMAKAIAN

6.1 Surat pekeliling ini dikeluarkan berkuat kuasa serta-merta dari tarikh kelulusan penubuhan Tabung Wakaf UTeM dan dirujuk bersama-sama Pekeliling Bendahari Bilangan 2/2013 iaitu Penubuhan Tabung Endowmen/Wakaf UTeM dan Tabung Sumbangan UTeM.

6.2 Penerimaan wang tunai untuk tujuan wakaf, endowmen dan sumbangan adalah **tidak tertakluk** kepada Tatacara Penerimaan Hadiah/Derma Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) (Pekeliling Bendahari Bil. 2/2011).

## 7.0 PENUTUP

- 7.1 Semoga dengan penubuhan Tabung Wakaf UTeM ini, sumbangan dari pelbagai pihak untuk mengumpul dana dapat dipertingkatkan lagi dalam usaha membantu pelajar dan pendidikan Universiti.

Sekian, terima kasih.

### **“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menurut perintah,



**KHAIRUL BIN TAIB**

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

DA/UPP/2017

## KONSEP WAKAF

### 1.0 Pengertian

Wakaf berasal dari perkataan Arab: *waqafa*. yang membawa maksud berhenti, menegah dan menahan. Wakaf ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping **mengekalkan sumber fizikalnya ('ain)**. Manfaat harta yang diwakafkan adalah untuk kebajikan umum atau khusus (yang ditetapkan) dengan niat untuk mendekatkan diri pewakaf kepada Allah S.W.T. Pendapatan, perolehan atau manfaat daripada harta wakaf itu perlu dibelanjakan untuk kebaikan dan kebajikan sebagai pendampingan diri pewakaf kepada Allah S.W.T. Harta tersebut tidak lagi menjadi milik pewakaf, tidak boleh diambil kembali dan tidak boleh dimiliki oleh sesiapa.

### 2.0 Takrif Wakaf Tunai

2.1 Wakaf Tunai bermaksud mewakafkan wang tunai kepada mana-mana pemegang amanah wakaf, di mana wang modalnya dikekalkan kepada penerima wakaf (*mawquf alaih*). Wang tersebut akan dikumpulkan dan kemudiannya ditukarkan kepada harta kekal yang dinamakan badal. Manfaat hasil wakaf tunai tersebut akan digunakan untuk kebajikan dan pembangunan ummah.

#### 2.2 Jenis Wakaf

2.2.1 Wakaf Ahli/Dzurri (Wakaf Keluarga) - Wakaf yang memberi manfaat kepada keturunan *mawquf 'alaih* (penerima wakaf) seperti anak, cucu dan seterusnya.

2.2.2 Wakaf *Khairi* (Kebajikan)

- i. **Wakaf Am** – merujuk kepada amalan menyerahkan harta wakaf dengan tidak menyatakan sesuatu tujuan tertentu dalam perwakafan hartanya. Harta itu boleh dibangunkan bagi apa-apa maksud, selagi tidak bertentangan dengan syarak.
- ii. **Wakaf Khas** - amalan mewakafkan harta dimana pewakaf menyatakan tujuan wakaf secara spesifik semasa mewakafkan hartanya. Harta wakaf tersebut hendaklah digunakan hanya untuk tujuan yang dinyatakan secara khusus itu. Contohnya mewakafkan tanah khas untuk pembinaan masjid, surau, perkuburan dan sebagainya.

## 2.3 Rukun Wakaf

### 2.3.1 Pewakaf (*Wakif*)

Orang yang mewakafkan harta wakaf. Pewakaf hendaklah seorang yang berakal, merdeka, baligh, tidak dipaksa, memiliki harta dan berkuasa dalam menguruskan hartanya.

### 2.3.2 Harta yang diwakafkan (*Mauquf*)

Harta yang akan diwakafkan hendaklah terdiri daripada harta yang diketahui dan ditentukan, harta yang boleh dimiliki, mempunyai manfaat dan diharuskan di sisi syarak serta harta yang kekal;

### 2.3.3 Penerima Wakaf (*Mauquf Alaih*)

Penerima harta wakaf hendaklah wujud ketika wakaf dibuat dan ditentukan, boleh memiliki harta, bukan diri sendiri dan tidak bertujuan maksiat.

#### 2.3.4 Lafaz Wakaf (*Sighah*)

Lafaz ijab dan qabul dan ia hendaklah diucapkan untuk selama-lamanya (*ta'bid*), tujuan atau matlamat pemberian yang jelas, tidak disyaratkan dengan sesuatu dan lafaz yang mengikat (*al-ilzam*).

### 2.4 Konsep Asas Wakaf Di Universiti

#### 2.4.1 Pewakaf (*Al-Waqif*)

Penyumbang wakaf (*Al-Wakif*) adalah pihak yang secara rela menderma harta miliknya (*Al-Mawkuf*) dalam bentuk aset alih atau tak-alih untuk sesuatu tujuan (*An-Niyyah*) bagi menafaat penerima (*beneficiaries/ Al-Maukuf alaihi*).

#### 2.4.2 *Mutawali (The Sole Trustee)*

Dalam konteks Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) adalah Pemegang Amanah Tunggal (*Mutawali*) bagi wakaf di negeri berkenaan. Universiti Awam perlu mendapatkan kebenaran MAIN sebagai Nazir Khas untuk menguruskan wakaf.

#### 2.4.3 *Waqf Administrator (Nazir Khas)*

Sebagai Nazir Khas, Universiti Awam diberi kebenaran oleh MAIN untuk membentuk infrastruktur pengurusan wakaf yang lestari termasuk fungsi mengumpul, menerima, mengutip, mengguna, mengurus, melabur, and membangun dana wakaf, serta mengagihkan hasil wakaf mengikut tujuan dan syarat yang dipersetujui dalam perjanjian antara Universiti dan MAIN.


#### 2.4.4 Benefisiari (*Mauquf Alaihi*)

Hasil wakaf boleh dimanfaatkan oleh orang Islam dan bukan Islam. Hasil wakaf boleh digunakan untuk pelbagai tujuan dalam bentuk biasiswa, grant penyelidikan, kursi profesor, penajaan dan lain-lain.

### WAKAF DAN ENDOWMEN : SERUPA TAPI TAK SAMA

Wakaf dan endowmen adalah dana kekal yang mempunyai had kawalan tersendiri, di mana nilai pokok (principal) dikekalkan. Dana tersebut dilaburkan dan hasilnya digunakan untuk menafaat seperti yang disyaratkan oleh penyumbang. Di samping ada persamaan, wakaf dan endowmen mempunyai beberapa perbezaan yang nyata.

Aspek	Wakaf	Endowmen
<b>Tujuan</b>	Memenuhi kehendak Syariah	Berbagai tujuan yang dibenarkan undang-undang
<b>Asas Penubuhan</b>	Memenuhi 4 rukun wakaf (Al-Waqif, Al-Mauquf, Sighah, Al-Maquf Alaihi)	Mengikut terma dan syarat yang ditetapkan oleh penyumbang
<b>Sumber sumbangan</b>	Aset hendaklah dari sumber halal dan pemilikan yang diiktiraf undang-undang	Sumber aset hendaklah dari hakmilik yang diiktiraf undang-undang walaupun tiada syarat halal
<b>Pemilik Aset</b>	Hak milik Allah SWT (Diuruskan oleh <i>Mutawalli</i> )	Hak milik Pemegang Amanah atau Penyumbang (Tertakluk kepada terma dan syarat yang telah dipersetujui)
<b>Keputusan Polisi</b>	- Pewakaf ( <i>al-Waqif</i> ) - Jika ada perselisihan dalam pelaksanaan, keputusan muktamad terletak pada Mahkamah Syariah	- Pemegang Amanah (Trustees) atau Penyumbang - Jika ada perselisihan dalam pelaksanaan, keputusan muktamad terletak pada Mahkamah Sivil
<b>Kelayakan/hak Mengurus</b>	<i>Mutawalli</i> atau Nazir sebagai pentadbir dan pelaksana, sebarang kuasa diberikan oleh Lembaga Wakaf	Pemegang Amanah (Trustees)
<b>Pematuhan Rukun/Dasar</b>	Irrevocable, Perpetual & Inalienable	Ditetapkan oleh Pemegang Amanah (Trustees) atau Penyumbang (Tertakluk kepada terma dan syarat yang telah dipersetujui)

 <p>UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA اونيورسي تيكنيكل مليسيا ملاك UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA</p>	<p align="center"><b>UNIT PENJANAAN PENDAPATAN PEJABAT BENDAHARI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA</b> Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka Tel : 06-331 6871/6714/6715 Faks : 06-331 6296 Email : <a href="mailto:pejabatbendahari@utem.edu.my">pejabatbendahari@utem.edu.my</a></p>
<p><b>BORANG SUMBANGAN TABUNG ENDOWMEN UTeM DAN TABUNG SUMBANGAN UTeM</b></p>	
<p><b>SAYA INGIN MEMBERI SUMBANGAN UNTUK TABUNG :</b></p>	
<input type="checkbox"/> Tabung Endowmen UTeM	( RM : _____ )
<input type="checkbox"/> Tabung Sumbangan UTeM	( RM : _____ )
<p><b>BUTIRAN PENYUMBANG :</b></p>	
<p>Nama / Syarikat : _____          No. Staf &amp; No. MyKad : _____          No. Tel / HP : _____          Emel (jika ada) : _____          Alamat : _____          _____          Tandatangan : _____          Tarikh : _____</p>	
<p><b>PILIHAN CARA PEMBAYARAN</b></p>	
<input type="checkbox"/> Tunai	( RM : _____ )
<input type="checkbox"/> Cek/Wang Pos/Bank Draf (Bayaran Atas Nama: <b>Bendahari UTeM</b> )	( No. Rujukan : _____ )
<input type="checkbox"/> <b>Perbankan Internet</b> Tabung Endowmen (BIMB): 04042010009213	( RM : _____ )
<input type="checkbox"/> Tabung Sumbangan (BIMB): 04042010000833 (Sila kemukakan/emelkan bukti pembayaran ( <a href="mailto:pejabatbendahari@utem.edu.my">pejabatbendahari@utem.edu.my</a> ) untuk tujuan pengeluaran resit rasmi UTeM)	( RM : _____ )
<input type="checkbox"/> <b>Skim Potongan Gaji (Staf UTeM)</b> Jumlah Potongan Bulanan : _____ Tarikh Mula Potongan : _____	Ditambah/dikurang dari RM _____ kepada RM _____. Tarikh Tamat : _____
<p>(Setiap penderma/penyumbang bagi <b>Tabung Sumbangan UTeM</b> berhak mendapat pengecualian cukai pendapatan di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967)</p>	<p align="center"><b>UNIT PENJANAAN PENDAPATAN</b></p> <p>TARIKH TERIMA : _____</p> <p>TANDATANGAN &amp; COP</p>